

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 22/11/2010
Hari: Khamis
Ruangan: KEMAS 12

Belanja berhemah pada musim cuti sekolah

Oleh ROHAMI SHAFIE

CUTI persekolahan kembali lagi. Sudah tentu, golongan yang paling gembira ialah murid dan pelajar. Manakala ibu bapa pula terpaksa mengantar program bagi anak-anak mereka. Ada yang mengantar program sejak awal lagi dan tidak kurang juga yang mengadakan persiapan di saat-saat akhir.

Apa sahaja program yang diatorkan, ia tentulah untuk mengisi masa lapang anak-anak. Melancong merupakan antara program yang paling popular pada musim cuti. Selain menghadiri begitu banyak jemputan kenduri kendara, ramai yang bercadang untuk melancong bersama keluarga.

Apabila disebut melancong, kita tidak boleh lari daripada mengeluarkan wang ringgit yang banyak. Dari mula bertolak ke destinasi yang ingin dituju sehinggalah pulang ke rumah masing-masing, segala-galanya memerlukan wang. Tidak boleh mengikut selera sahaja. Kena juga mengikut kemampuan yang ada.

Adalah lebih baik melancong di dalam negara terutama jika banyak lagi tempat yang belum dikunjungi. Perbelanjaan pengangkutan adalah antara belanja yang paling utama. Sama ada menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam, keputusan yang dibuat mestilah berlandaskan bajet dan juga keselesaan.

Bagi yang mempunyai anak yang ramai, menggunakan kenderaan sendiri lebih berbaloi berbanding menggunakan pengangkutan awam. Ia lebih selesa, mudah dan murah.

Perbelanjaan pengangkutan adalah antara belanja yang paling utama. Sama ada menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam, keputusan yang dibuat mestilah berlandaskan bajet dan juga keselesaan

Kecualilah jika rombongan pelancongan hanyalah beberapa orang, pengangkutan awam mungkin pilihan terbaik untuk digunakan.

Selain pengangkutan awam, kemudahan penginapan juga adalah bajet wajib untuk melancong. Bagi yang berduit, mereka lebih sanggup membayar lebih untuk hotel atau chalet mewah. Tetapi bagi yang mempunyai kekangan bajet, hotel-hotel murah yang tidak mempunyai status bintang menjadi pilihan.

Belanjalah secara berhemah untuk penginapan kerana ia boleh mengurangkan bajet keseluruhan. Lagipun, masa untuk melancong banyak dihabiskan di luar tempat penginapan. Jadi, alangkah eloknya jika wang yang dapat dijimatkan daripada membayar hotel atau chalet, digunakan untuk belanja-helanjah lain yang lebih penting seperti makanan.

Kita mungkin tidak sedar banyak wang dihabiskan semata-mata untuk perbelanjaan penginapan. Malahan, banyak wang juga dihabiskan untuk membeli cenderahati. Meskipun nilainya tidak begitu mahal, namun kalau sudah terlalu banyak dibeli, akhirnya jumlah perbelanjaan akan melebihi wang yang telah diperuntukkan.

Tidak ketinggalan, perbelanjaan yang lang-

sung tidak termasuk dalam bajet kita. Umumnya, sering kali ada pihak mengambil gambar kita apabila melawat sesuatu tempat pelancongan.

Mereka ini berniaga menjual gambar. Sama ada sedar atau tidak, apabila tamat sahaja lawatan ke tempat yang dituju maka, peniaga-peniaga ini mengeluarkan gambar-gambar kita untuk menarik minat kita membelinya. Harganya daripada RM10 dan ada yang menjangkau RM25 sekeping.

Apabila ditunjukkan gambar kita, mahu tidak mahu kita akan tertarik untuk memilikinya. Lebih-lebih lagi jika gambar itu cukup cantik diambil oleh mereka. Itu baru satu tempat yang dituju. Jika banyak tempat yang dituju, sudah tentu lebih banyak gambar akan diambil dan lebih banyak modal yang terpaksa dikeluarkan.

Oleh itu, jangan mudah terpedaya untuk membeli kesemuanya. Bukan salah peniaga, tetapi salah kita kerana apa sahaja di depan mata, semuanya ingin dikaut. Belilah hanya gambar terbaik yang boleh mengingatkan kembali lawatan kita di tempat tersebut.

Ini belum termasuk membeli-belah barangan lain. Lebih banyak tempat yang dituju, lebih banyak barangan yang akan dibeli

oleh kita. Barangan-barangan tersebut boleh memesonakan mata memandang.

Ada yang tidak mahu ketinggalan membeli barangan tersebut, maktumlah ia tidak boleh diperoleh di tempat-tempat lain. Inilah daya tarikan industri pelancongan. Ia mampu memperkukuhkan ekonomi sesebuah negara tetapi pada masa yang sama boleh menggugat kewangan individu jika tidak kena gayanya.

Selain perbelanjaan untuk melancong, satu lagi perbelanjaan utama semasa musim cuti ini ialah perbelanjaan barangan persekolahan seperti baju sekolah, alatan tulis, buku-buku dan beg.

Kesemuanya ini memerlukan wang yang banyak, namun apalah salahnya jika berbelanja lebih untuk pendidikan anak-anak kerana ia boleh memberi kesan positif dalam jangka masa panjang.

Cuma, lebih baik membelinya semasa tawaran jualan murah. Mungkin ada yang berpendapat pada musim persekolahan, perbelanjaan adalah lebih tinggi berbanding musim cuti, tetapi perચયલાહ jika tersilap merancang, perbelanjaan pada musim cuti akan menjadi berkali-kali ganda lebih banyak berbanding dengan musim persekolahan.

Justeru, tidak salah berbelanja kerana ia mendatangkan kebaikan kepada banyak pihak. Yang menjadi masalah, berbelanja secara tidak terkawal dan akhirnya memberi kesan negatif kepada diri sendiri.

PENULIS ialah Penserah Kanan Perakutan dan Kewangan Kolej Perniagaan (CDB) Universiti Utara Malaysia.